

10/04/2001

Pelancongan industri strategik alaf baru

KUALA LUMPUR, Isnin - Industri pelancongan kini muncul sebagai satu daripada tiga industri strategik kebangsaan di alaf baru, bersama-sama industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pembangunan alam sekitar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelancongan adalah industri nilai tambah dengan sumbangannya dianggarkan lebih 50 peratus daripada industri semi konduktor.

"Sebagai sumber pertukaran asing, industri pelancongan menunjukkan prestasi lebih baik berbanding eksport automobil dan barangan elektronik. Potensinya untuk mewujudkan peluang pekerjaan juga besar jika dibandingkan dengan industri lain.

"Malah, industri pelancongan adalah mesra alam," katanya ketika merasmikan persidangan tahunan ke 50 Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (Pata) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Kira-kira 2,000 perwakilan daripada sektor pelancongan dan berkaitan serta wakil media dari 55 negara menghadiri sidang lima hari itu yang bertema 'Masa Silam Yang Dibanggakan, Masa Depan Yang Penuh Harapan'.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mencatat rekod baru di segi ketibaan pelancong iaitu 10.22 juta tahun lalu, ketiga tertinggi selepas China dan Hong Kong serta memberi pulangan sebanyak AS\$4.95 bilion (RM1.88 bilion), jumlah terbesar dalam sejarah industri itu di negara ini.

Katanya, sektor pelancongan adalah industri kedua terbesar bagi perolehan tukaran asing negara selepas perkilangan. Pada 1999, Malaysia mendaftarkan sejumlah 7.93 juta ketibaan pelancong yang membawa pulangan AS\$3.24 bilion (RM1.2 bilion).

Beliau berkata, Malaysia mahu menjadi destinasi yang menarik dan destinasi nilai untuk wang bagi pengembara tempatan dan antarabangsa.

"Oleh kerana negara kini dalam laluan untuk mencapai status kosmopolis pelancongan, pelawat mesti tinggal lebih lama untuk mengetahui mengapa Malaysia telah menjadi destinasi mesti lawat, mesti belah beli, mesti lihat dan mesti labur," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus memastikan industri pelancongan diuruskan atas konsep pembangunan berkekalan.

Katanya, populariti dan permintaan yang terus meningkat bagi pelancongan alam semula jadi atau eko-pelancongan, menjadikan pembangunan berkekalan penting bagi industri berkenaan.

Beliau berkata, ini menyebabkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan tahun 2002 sebagai 'Tahun Antarabangsa Bagi Eko-Pelancongan'.

"Di Malaysia, kerajaan telah menasihatkan mereka yang berhasrat memajukan projek-projek eko-pelancongan untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab dan sensitif terhadap pemuliharaan alam sekitar," katanya.

Dr Mahathir berkata, menggalakkan pelancongan dunia yang saksama, bertanggungjawab dan berkekalan dalam konteks ekonomi dunia yang terbuka dan liberal harus menjadi tanggungjawab bersama semua pihak dalam industri pelancongan.

"Manfaat yang dibawa oleh pelancongan kepada negara-negara membangun jauh melebihi aspek negatif pelancongan," katanya.

Oleh sebab itu, katanya, perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan budaya boleh disatukan dengan pembangunan ekonomi, jika pembangunan

ekonomi itu dijalankan atas dasar berkekalan.

"Bagaimanapun, pemuliharaan cara hidup penduduk pribumi demi kepentingan pelancongan, tidak harus menafikan mereka peluang untuk taraf hidup yang lebih baik dan kemudahan moden yang lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, usaha untuk memasarkan alam semulajadi sebagai tarikan pelancong harus mengambil kira kebersihan air, pencemaran sungai, tanah runtuh dan pemuliharaan spesis-spesis flora dan fauna yang dalam bahaya kepupusan semasa perancangan dan pembangunan destinasi pelancongan tertentu dibuat.

Beliau berkata, pada 1999, pengembaraan dan pelancongan menjana secara langsung dan tidak langsung, 11 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 200 juta pekerjaan dan lapan peratus daripada jumlah pekerjaan yang merentasi ekonomi global.

Katanya, Pertubuhan Pelancongan Dunia telah meramalkan jumlah pelancong yang mengembara ke seluruh dunia akan meningkat kepada satu bilion orang menjelang 2010 dan akan mencapai 1.6 bilion menjelang 2020.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana banyak isu berhubung hak dan tanggungjawab mereka dalam industri pelancongan yang beliau bangkitkan di ucapan perasmiannya pada persidangan Pata 1986 di Kuala Lumpur ditangani melalui 10 fasal dalam "Kod Etika Global Bagi Pelancongan" yang baru-baru ini dilancarkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia.